

553:
PELAJARAN

1975

MELAKA, 28 FEB. (BERNAMA) -- KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH MULA MENDAFTARKAN NAMA SEMUA GURU YANG SEDANG BERKHIDMAT DI SELURUH NEGARA.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR BIN MOHAMED BERKATA DALAM SATU SIDANG AKHBAR DISINI HARI INI, DARI DAFTAR TERSEBUT YANG SEDANG DISUSUN OLEH KEMENTERIANNYA, BILANGAN SEBENARNYA GURU DAN GURU SEMENTARA AKAN DAPAT DIKETAHUI.

MAKLUMAT TERSEBUT YANG JUGA TERMASUK MATAPELAJARAN YANG DIAJAR OLEH GURU-GURU ITU SANGAT BERGUNA KEPADA KEMENTERIAN DALAM MEMBUAT RANCANGAN MASA DEPAN.

KATANYA, BILANGAN GURU SEMENTARA SEKARANG HANYA DIANGGARKAN 12,000 ORANG.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA SETIAP PERUNTUKAN PELAJARAN HENDAKLAH DIPERGUNAKAN SEPENUHNYA UNTUK FAEDAH SEBAHAGIAN BESAR PENUNTUT.

KATANYA, PEMBINAAN BANGUNAN-BANGUNAN BARU MENGGANTIKAN YANG LAMA TERPAKSA DITANGGUHKAN SUPAYA WANG TERSEBUT DAPAT DISALURKAN UNTUK MENGADAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELAJARAN YANG LEBIH BAIK.

-- BERNAMA 1433/SZ